

Hubungan KL – Moscow kukuh

Oleh AZIZ ISHAK

(Sempena lawatan rasmi Perdana Menteri ke Rusia 18-20 Jun)

SEORANG pelajar Rusia, Olga Vasilev-kaya, 19, mencuri perhatian rakyat Malaysia apabila muncul juara Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu di Kuala Lumpur, Mac lalu. Kefasihannya menggunakan bahasa kebangsaan memberi sedikit keyakinan dan harapan bahawa bahasa itu mampu menjadi bahasa antarabangsa.

Tetapi yang lebih pasti akan mencuri perhatian besar ialah penghantaran pertama angkasawan Malaysia ke stesen angkasa lepas pada Oktober depan, menggunakan kemudahan dan kepakaran Rusia.

Kejayaan Olga dan peristiwa yang bakal mencatatkan sejarah melibatkan angkasawan Malaysia (salah seorang daripada dua calon iaitu Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Dr. Faiz Khaled), cukup dekat di hati rakyat kedua-dua negara.


Dimensi itulah yang semakin mewarnai hubungan Malaysia-Rusia yang memasuki fasa yang amat memberangsangkan. Banyak lagi petunjuk dan episod yang memperlihatkan peningkatan signifikan hubungan Malaysia-Rusia. Dua pembelian utama kelengkapan pertahanan – pesawat pejuang 18 buah MiG-29N pada dekad 1990-an dan disusuli pembelian 18 buah Sukhoi 30 MKM buatan Rusia ternyata membentuk kerjasama strategik antaranya yang boleh dilihat menerusi program angkasawan Malaysia.

Ia juga memberi mesej yang cukup jelas. Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat bebas menentukan percaturannya sendiri dan tidak perlu bergantung kepada pembelian pertahanan dari Amerika Syarikat (AS) dan Britain. Dasar luar Malaysia yang realistik membolehkan negara berbaik dengan AS, Britain, Rusia, Cuba dan sesiapa sahaja tanpa rasa tertekan.

Dalam kebanyakan isu antarabangsa, Malaysia dan Rusia berkongsi pendirian termasuk menolak unilateralisme AS misalnya pendekatan keterlaluan AS dan sekutunya dalam memerangi keganasan, pencerobohan ke atas Iraq, isu Palestin dan campur tangan ke atas hal-ehwal dalaman negara asing.

Penyertaan pentadbiran Kremlin sebagai anggota Forum Serantau ASEAN (ARF) dan dasar luarnya yang disenangi, menjadikan peranan Rusia di Asia Pasifik makin ketara berbanding keadaan sebaliknya ketika era Perang Dingin.

Rusia turut menghargai peranan Malaysia mendapatkan status pemerhati bagi negara



ABDULLAH AHMAD BADAWI

itu dalam Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) pada tahun 2005. Negara itu mempunyai penduduk minoriti Islam berjumlah lebih 21 juta orang.

"Status tersebut turut memberi keyakinan kepada masyarakat Islam Rusia yang kini dalam kedudukan lebih baik," kata seorang wartawan Rusia, Rinat Mukhametov.

Penganalisis politik Dmitri Kosyrev pula menyifatkan peranan Malaysia membantu Rusia mendapatkan status pemerhati tersebut sebagai sesuatu yang amat bermakna bagi Moscow. Dalam hal tersebut, beliau secara khusus menyatakan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi OIC.

Tahun 2007 sememangnya menyaksikan hubungan Malaysia-Rusia begitu istimewa. Tahun ini, kedua-dua negara menyambut ulang tahun jalinan diplomatik yang ke-40.

Maka lawatan rasmi Abdullah ke Moscow selama tiga hari bermula esok akan menjadi satu lagi titik tolak baru dalam memperkukuhkan hubungan tersebut. Inilah lawatan pertama beliau ke negara utama bekas Kesatuan Soviet itu sejak menyandang jawatan Perdana Menteri pada 2003.

Abdullah akan diiringi isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Kemuncak lawatan beliau ialah mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin. Menteri Luar, Datuk



VLADIMIR PUTIN

Seri Syed Hamid Albar menyifatkan lawatan tersebut akan menjadi landasan penting bagi memperkukuhkan lagi hubungan dan memperluaskan kerjasama dalam semua bidang terutama ekonomi.

Hubungan diplomatik antara Malaysia dan Rusia diasaskan pada 3 April 1967. Selepas era Kesatuan Soviet berakhir, Malaysia mengisytiharkan pengiktirafannya ke atas Persekutuan Rusia pada 31 Disember 1991.

Mengekalkan

Sejak itu kedua-dua negara mengekalkan dialog politik, pertukaran lawatan termasuk di peringkat tertinggi. Yang di-Pertuan Agong selaku ketua negara telah melawat Rusia beberapa kali. Tuanku Raja Jaafar Almarhum Tuan Syed Abdul Rahman telah mengadakan lawatan tidak rasmi ke St. Petersburg pada Mei 1997, begitu juga dengan Tuanku Sirajuddin Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail pada September 2005.

Presiden Putin pernah berada di Malaysia dua kali pada tahun 2003 iaitu ketika lawatan rasmi pada Ogos dan menghadiri Sidang Kemuncak OIC pada Oktober. Beliau turut menghadiri sidang kemuncak pertama ASEAN-Rusia di Kuala Lumpur pada Disember 2005 dan turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan Abdullah.

Beberapa Perdana Menteri Malaysia juga

um-17/6/2007
Hubungan baik Malaysia-Rusia era kepimpinan Dr. Mahathir diperkukuhkan lagi dengan perkembangan lebih menarik ketika kepimpinan Abdullah – Varatharaju

pernah mengadakan lawatan rasmi ke Rusia iaitu Allahyarham Tun Razak (1972), Allahyarham Tun Hussein Onn (1979) dan Tun Mahathir Mohamad (1987 dan 2002) selain lawatan kerja ke Wilayah Khabarvsk dan Buryatia pada 1999.

"Hubungan baik Malaysia-Rusia era kepimpinan Dr. Mahathir diperkukuhkan lagi dengan perkembangan lebih menarik ketika kepimpinan Abdullah," kata Datuk Varatharaju, Pengerusi Magaram, sebuah syarikat Malaysia yang terlibat dalam mengurus pelajar bidang perubatan di Rusia.

Pengalaman Abdullah yang lama sebagai Menteri Luar turut menyaksikan peranan beliau dalam menjadikan Rusia sebagai rakan dialog ASEAN pada dekad 1990-an.

Kerjasama di peringkat parti pemerintah turut mewarnai hubungan kedua-dua negara. Delegasi Kesatuan Rusia menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ke-55 pada September 2004. Ini diikuti lawatan delegasi UMNO ke Moscow pada April 2005.

Dari segi perdagangan, pada masa ini Malaysia adalah antara rakan dagang utama Asia Tenggara di Rusia sementara Malaysia adalah peneraju rakan dagang rantau ini di wilayah bekas kesatuan Soviet.

Pulangan perdagangan antara kedua-dua negara mencecah AS\$1,133 bilion pada tahun lalu berbanding AS\$1.1 bilion (2005), AS\$876 juta (2004) dan AS\$740 juta (2003). Menurut kenyataan Kedutaan Rusia sebelum ini, import negara itu dari Malaysia melebihi eksportnya.

Eksport Rusia adalah barangan dan peralatan kimia, barangan besi, mesin dan kelengkapan pertahanan termasuk alat ganti pesawat. Import pula antara lain meliputi minyak kelapa sawit dan barangan produk minyak sawit, plastik dan koko.

Pelaburan Malaysia dalam bidang tenaga turut menarik perhatian.

Menurut Kosyrev lagi, tiada siapa menjangka bahawa pelabur Malaysia akan terlibat untuk membincangkan projek pemodenan dan pembinaan loji tenaga di Rusia sementara Petronas telah melabur dalam syarikat milik kerajaan Rusia, Rosneft.

Dalam bidang sains dan kebudayaan, kerjasama kedua-dua negara begitu terserlah menerusi siri dialog peringkat menteri sains pada 2002, 2003 dan 2004. Satelit mikro pertama Malaysia dilancarkan ke orbit oleh pelancar Rusia pada September 2000 dan Disember tahun lalu, satelit Measat-3 turut dilancarkan menggunakan roket Rusia.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 2,500 pelajar Malaysia mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di Rusia. "Kami gembira belajar di sini, teknologi perubatannya mengagumkan," kata Mohamed Afiq, salah seorang pelajar Malaysia di Moscow.

Kepada Varatharaju, lawatan Perdana Menteri diharap dapat meneroka peluang baru dan melonjakkan lagi pencapaian kerjasama yang beliau lihat mempunyai banyak ruang untuk 'dibaiki'.

"Urusan pelajar kita di Rusia, misalnya boleh diperkembangkan," katanya. Usaha juga perlu digerakkan bagi menambah bilangan pelancong Rusia ke Malaysia dan sebaliknya. "Pada masa ini, ramai yang melawat Thailand berbanding Malaysia. Pelancong Malaysia pula lebih bertumpu di negara Eropah yang lain," kata Marina Shadikov, pengusaha agensi pelancongan di Moscow.

Dari segi politik antarabangsa, pertemuan Abdullah dan Putin berlangsung tidak sampai seminggu selepas Presiden itu melancarkan siri kritikan keras terhadap Washington kerana membantah rancangan penempatan sistem antipeluru berpandu AS di timur Eropah, mencetuskan konflik terbuka antara kedua-dua kuasa itu. Begitu juga dengan kenyataan Putin tentang perlunya pembentukan orde baru dunia bagi membetulkan kepincangan akibat unilateralisme – suara yang acap kali dibangkitkan oleh Malaysia.

Bagi Malaysia, walaupun Rusia tidak lagi digeruni dari segi kuasa ketenteraan sebagaimana ketika era Perang Dingin, negara itu masih belum hilang segala-galanya.

Rusia masih mampu untuk bangkit. Petunjuk kebangkitan itu bukan setakat kemunculan semakin ramai *supermodel* dan pemain tenis bertaraf dunia bahkan dalam pencapaian teknologi dan transformasi ekonominya yang kian dinamis meskipun masih di belakang sebahagian anggota Kumpulan Lapan (G8) yang lain.